

15/11/1999

DAP pandang remeh kemampuan barisan alternatif

KLANG, Ahad - DAP memandang rendah kemampuan anggota barisan alternatif lain apabila mendakwa ia boleh memenangi 25 kerusi Parlimen secara bersendirian, manakala Pas, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) hanya mampu menyumbangkan lima hingga 10 kerusi saja pada pilihan raya umum kali ini.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, berkata jika parti itu bertanding di luar gabungan, Barisan Nasional (BN) tidak boleh menggunakan senjata utamanya, tetapi keadaan sebaliknya berlaku jika DAP bersama barisan alternatif.

Strategi utama BN yang didakwa oleh Ketua Pembangkang itu membabitkan isu penubuhan negara Islam, peristiwa 13 Mei, pemulihan ekonomi dan 'menyelamatkan' Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada digulingkan sebagai Perdana Menteri.

Beliau berkata, DAP turut menghadapi kemungkinan mengalami kekalahan terbesar dalam sejarahnya jika terus bertanding pada pilihan raya umum kali ini atas tiket barisan alternatif.

"Sehubungan itu, adakah wajar bagi DAP menghadapi risiko mengalami kekalahan besar hanya kerana inginkan tambahan lima atau 10 kerusi pembangkang di Parlimen?"

"Jika DAP berfikir mengikut terma parti, sudah tentunya risiko yang dihadapi amat besar dan penyertaan dalam barisan pembangkang itu tidak memberi apa-apa makna," katanya pada Konvensyen Pilihan Raya DAP Selangor, di sini hari ini.

Ditanya mengenai projek Tanjung 4 parti itu, beliau berkata Tanjung 4 tidak wujud pada pilihan raya umum kali ini, tetapi matlamat utama parti itu ialah menafikan majoriti dua pertiga BN.

(END)